



## Perjuangan PAS


### Adakah Ia Satu Jihad?

Saudara Abdul Hamid bin Haji Muhammad, Permatang

Tinggi Bakar Bata, Kepala Batas, Seberang Prai, bertanya:

Bolehkah perjuangan “Persatuan Islam

Se-Tanah Melayu” disifatkan sebagai satu “jihad”?



*Mihrab Masjid Jāmi‘ Ahmad bin Tulun di Mesir,*

*melambangkan keindahan hasil seni Islam yang bernilai.*

*Masjid ini didirikan pada tahun 265 Hijriyyah (879M.)*

## Jawab

Mengapa tidak?

Berjihad, ertinya: berjuang dengan segala daya upaya, atau lebih lanjut. “Berusaha dan mencurahkan tenaga bagi menghapuskan kezaliman, kekerasan, kemaharajalelaan, kerosakan dan pencemaran pada diri seseorang atau sesuatu kumpulan atau pun sesuatu bangsa.”

Inilah kesimpulan makna “jihad” dan tujuannya, sebagaimana yang diuraikan oleh mujahid Islam yang kebilangan, Al-‘Allamah Abū al-‘Alā al-Mawdūdī. (baca bukunya “Berjihad pada Jalan Allah” yang telah diterjemah dan diterbitkan oleh Qalam).

Oleh kerana PAS sedang berjuang hendak mendaulatkan Islam di tanah air, maka sudah tentu perjuangannya bukan sahaja berjihad semata-mata, bahkan berjihad pada jalan Allah.

Dalam pada itu, perjuangan suci itu mestilah ikhlas kerana Allah bukan kerana maslahat diri, dan hal ini telah dijelaskan oleh Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dalam sabdanya:

*“Inna Allah lā yuqbalu min al-‘amali illā mā kāna khāliṣa lillāhi wa ibtaghī bihī wajhahu.”*

“Bahawa sesungguhnya Allah tidak menerima amal melainkan yang dikerjakan semata-mata kerana Allah dan ditujukan kerana Allah jua.”

Hadis ini memberi gambaran yang jelas betapa mustahak dan pentingnya syarat “*fi sabīl Allāh*” (pada jalan Allah) di dalam istilah Islam.

## Nasib Pelajar-pelajar Islam

Umar bin Qadim, Johor Baharu, bertanya:

Anak-anak Melayu yang bercita-cita Islam, banyak di antaranya telah keluar melanjutkan pelajarannya di tanah suci Makkah dan di universiti-universiti Islam, seperti al-Azhar, Aligarh, Darul Uloom (India) dan Indonesia. Banyak juga di antaranya yang berkelulusan Kolej Islam Tanah Melayu. Mereka itu menuntut dalam beberapa jurusan ilmu, malah ada yang mempunyai ijazah B.A dan M.A.

Bilakah lagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengakui kelayakan mereka dan diterima dalam perkhidmatan kerajaan sebagaimana penghargaan yang diberikan kepada pelajar-pelajar keluaran sekolah-sekolah dan universiti Barat?

### Jawab

Masanya sudah sampai pelajar-pelajar Islam yang berkelulusan tinggi akan mendapat tempat yang

selayaknya dalam perkhidmatan kerajaan sebagaimana yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang berkelulusan dari sekolah-sekolah Inggeris dan universiti-universiti Barat.

Untuk mencapainya sudah tentu berkehendakkan perjuangan terus menerus sehingga berjaya . Barisan Islam yang kuat di tanah air kita sudah ada, dan dengan itu tiap-tiap seorang yang bercita-cita Islam mestilah menyatukan diri dalam barisan Islam yang kuat itu. Kalau golongan-golongan lain yang berlainan faham dan ideologi, boleh bersatu dan bergerak memperjuangkan cita-cita mereka, maka umat Islam di negeri ini tidak ada sebab mengapa mesti berpecah-belah dan memberi kesempatan kepada lain-lain golongan menenggek dan menekan kita.

Mudah-mudahan banyak di antara orang-orang Islam kita sedar akan hakikat ini, dan tampil memperbaiki apa yang telah rosak sebelum tiba saat penyesalan.

## Berjihadlah Pada Jalan Allah

Oleh: Al-'Allamah Abū al-'Alā al-Mawdūdī

*Al-Qur'an al-Karīm* dengan jelas menerangkan, bahawa orang yang tidak menyahut seruan jihad dan tidak berjihad dengan harta dan jiwanya kerana meninggikan agama Allah . . . . maka orang itu termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak percayakan Allah dan hari akhirat . . .

“Inilah dia ukuran yang dengannya dapat diukur kebenaran seseorang dan keikhlasannya tentang imannya – kata Al-'Allamah al-Mawdūdī dalam bukunya yang berharga ini.

**Diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh dan Jaafar al-Basar. Harganya 70 sen sahaja dan belanja mengirimnya 10 sen.**

Pesanlah kepada penerbitnya: **Qalam, Singapura**